

# Hubungan antara bermain dan belajar: Perspektif ibu bapa dan kanak-kanak



**Dr Raudhah Yahya**

Institut Nasional Pembangunan Awal  
Kanak-kanak

Tarikh: **Rabu, 20 Feb 2019**

Masa: **10.30pg - 12.00tgh**

Tempat: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)**  
**Institut Pendidikan Nasional**  
**Universiti Teknologi Nanyang**

## Abstrak

Prinsip 'belajar melalui bermain' telah menular di dunia Barat dan banyak negara Timur termasuk Singapura. Kajian membuktikan bahawa aktiviti bermain sangat penting untuk perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kepelbagaian dalam definisi bermain telah menimbulkan perbahasan mengenai hubungan teoretis dan praktis antara bermain dan belajar. Menggunakan teori sosiobudaya dan kerangka interpretivisme, seramai 19 ibu-ibu imigran dan 19 kanak-kanak dwibudaya di Kanada telah ditemubual mengenai perspektif mereka tentang hubungan antara bermain dan belajar. Sesi perkongsian ini memperlihatkan ketidakselaruan antara perspektif orang dewasa dan kanak-kanak mengenai pembelajaran yang berlaku semasa bermain. Kajian juga menunjukkan bahawa pemahaman kanak-kanak tentang apa yang dikatakan sebagai pembelajaran mungkin dipengaruhi oleh penekanan ibubapa terhadap jenis pembelajaran yang tertentu. Kesimpulan dari kajian menggesa para penyelidik, pendidik dan ibu bapa supaya mengambil kira penafsiran pembelajaran di luar bidang akademik dan memahami fungsi bermain dari sudut pandangan kanak-kanak.

## Biodata

Dr Raudhah Yahya merupakan seorang pensyarah dari Institut Nasional Pembangunan Awal Kanak-kanak, Singapura (NIEC). Beliau menerima ijazah Sarjana dan Doktor Pendidikan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari Universiti Sheffield, United Kingdom. Pengalaman beliau mengajar di Singapura, Kanada dan Oman menjadi pendorong untuk beliau membuat kajian mengenai pedagogi bermain, jalinan rumah dan sekolah, pemikiran kanak-kanak dan guru-guru, dan amalan inklusif di sekolah.



Semua dipersilakan hadir!



# Psikologi Bangsa

## Dalam Menentukan Vitaliti Bahasanya:

### Pengalaman Bahasa Melayu Di Singapura



**Dr Mohamed Pitchay Gani**

Mohamed Abdul Aziz

Institut Millenia

Tarikh: **Rabu, 20 Mac 2019**

Masa: **10.30pg - 12.00tgh**

Tempat: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)**

**Institut Pendidikan Nasional**

**Universiti Teknologi Nanyang**

#### Abstrak

Kajian vitaliti atau keberdayaan bahasa merupakan satu bidang yang mendapat perhatian yang serius di negara Amerika dan Kanada khususnya kerana kepelbagaian bangsa yang menetap di negara-negara tersebut. Kepelbagaian ini membawa kepada isu ketahanan kedudukan satu-satu bahasa yang disinonimkan dengan kekuatan bangsanya. Di Singapura, kajian yang menjurus langsung kepada vitaliti bahasa ini merupakan satu usaha yang baharu dimulakan melalui kajian etnolinguistik yang berteraskan teori identiti sosial. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa kedudukan bahasa Melayu di Singapura adalah dalam tahap pengekalan yang stabil berdasarkan gabungan faktor-faktor sosiologi dan psikologi yang dikenalpasti. Perkongsian ini memperkenalkan faktor-faktor yang mengawal keberdayaan satu-satu bahasa dan kayu ukur yang digunakan untuk menentukan vitaliti bahasa Melayu di Singapura.

#### Biodata

Dr Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz merupakan pegawai kanan Kementerian Pendidikan Singapura. Bidang kajian dan penyelidikannya ialah ethnolinguistik dan sosiolinguistik. Beliau banyak menulis mengenai bahasa Melayu khususnya di Singapura dan rantau ini. Penulisannya fokus kepada kedudukan bahasa Melayu sebagai modal budaya bagi bangsa penuturnya. Bidang kajiannya adalah sistem bahasa (kata majmuk), evolusi bahasa, vitaliti bahasa, dan dwibahasa.



Semua dipersilakan hadir!



# Madrasah Education Curriculum: An integrated and holistic education approach



**Farah Mahamood Aljunied**

Majlis Ugama Islam Singapura

Date: **Wednesday, 18 Sep 2019**

Time: **10.30am - 12.00noon**

Venue: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)**  
**National Institute of Education**  
**Nanyang Technological University**

## Abstract

Madrasah education in Singapore has witnessed several changes and reforms from its early days of basic literacy and religious education into a full-fledge education system ranging from primary to pre-university programmes and offering national and international level qualifications. They also had to evolve and refine their identity and programmes every time the educational landscape, nationally or internationally, changes. One such significant change is the reassessment of its curriculum and making it more integrated and holistic. This was necessary due to the ever-evolving needs of the students they serve as well as the context, environment and reality in which they live. Additionally, current educational trends and practices also demand that they reconsider the pedagogy employed and the assessment methods used. This presentation will share some of the efforts that the madrasahs have made in ensuring that they provide a holistic and integrated education programme that meets the needs of our young today.

## Biodata

Farah Mahamood Aljunied oversees student and curriculum development of the Education Cluster at Majlis Ugama Islam Singapura – Muis. She leads the development and implementation of the revised Joint Madrasah System's (JMS) primary and secondary level Islamic Studies Integrated Curriculum; supervises the three JMS madrasahs and the Mosque Based Kindergartens and the management and development of Singapore students in Islamic Universities overseas. Her interests include youth identity formation, Islamic education and history. Her passion is teaching Islamic values in a relevant, effective and engaging manner to the young.



All are welcome!



## Kempen Bahasa Melayu di Singapura: Satu Kajian Analisis Wacana Kritis bagi Sumber Visual Bulan Bahasa



**Muhammad Irwan Jamal**

Institut Pendidikan Nasional

Date: **Rabu, 23 Okt 2019**

Time: **10.30pg - 12.00tgh**

Venue: **NIE3-02-03 (ALC ICT-Resource Rm)**

**Institut Pendidikan Nasional**

**Universiti Teknologi Nanyang**

### Abstrak

Bahasa Inggeris digunakan di Singapura sebagai bahasa pentadbiran, perdagangan dan teknologi sementara bahasa Melayu (BM) bahasa yang dikaitkan dengan identiti etnik (kemelayuan) seseorang. Dengan merosotnya penggunaan BM dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura, kempen Bulan Bahasa memainkan peranan penting dalam pelestarian BM menerusi penggunaan yang berterusan". Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan strategi diskursif yang digunakan oleh penjana wacana dalam wacana kempen Bulan Bahasa untuk mencapai matlamatnya. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan strategi diskursif tersebut melalui huraihan ideologi-ideologi yang melatari wacana itu. Rangka kajian Analisis Wacana Kritis (AWK) diterapkan untuk mendalami sumber visual yang digunakan untuk kempen tersebut. Makna ideasional dan interpersonal dalam sumber visual dijelaskan melalui Nahu Desain Visual Kress & van Leeuwen (1994). Kerangka diaplikasikan untuk menampakkan keterkaitan antara sumber visual dengan proses, peserta dan keadaan yang dipaparkan. Dapatan daripada analisis mikro kemudian dipetakan pada konteks sosiopolitik, ekonomi, pendidikan dan sosiobudaya Singapura lantas membentuk analisis makro bagi kajian ini.

### Biodata

Muhammad Irwan Jamal ialah Felo Pengajar di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (NIE/NTU). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Kesusteraan (Pendidikan) (Kelas Pertama) daripada NTU pada tahun 2010 dan Sarjana Kesusteraan daripada universiti yang sama pada tahun 2019. Irwan merupakan penerima Anugerah Cemerlang Mendaki (2008, 2011), Anugerah Guru Arif Budiman (2013) dan Anugerah Pascasiswazah Kementerian Pendidikan Singapura (2014).



**Semua dipersilakan hadir!**

